

Penglibatan Orang Melayu dalam Industri Pengilangan Beras di Kedah, 1938-1971

Malay Participation in the Rice Milling Industry in Kedah, 1938-1971

Che Azmi Haji Ahmad* & Azharudin Mohamed Dali

Department of History, Faculty of Arts and Social Sciences, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

*Corresponding Author : cheazmii@gmail.com

Abstrak

Makalah ini membincangkan penglibatan orang Melayu dalam industri pengilangan beras di Kedah tahun 1938 sehingga 1971. Asalnya, industri pengeluaran beras diusahakan secara tradisional dan pengeluaran beras agak lambat memasuki pasaran. Kapitalis Cina mengambil alih usaha ini dan mendominasi industri pengilangan beras dengan sokongan pemerintah Kedah apabila mendapat konsesi penghujung abad ke-19. Majoriti penanam padi di Kedah adalah orang Melayu sebaliknya industri pengilangan beras didominasi oleh kapitalis Cina. Objektif kajian ini menganalisis penglibatan orang Melayu dalam industri pengilangan beras bagi mengekang dominasi kapitalis Cina ini dalam industri pengilangan samaada terlibat secara individu atau melalui Cooperative Rice Millers Society (CRMS). Kajian-kajian terdahulu kurang mengupas mengenai hal ini menyebabkan ia kurang diketahui secara umum. Kajian dijalankan dengan mengguna kaedah kajian sejarah yang menumpukan sumber primer diperolehi daripada Arkib Negara Malaysia dan Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri Kedah/Perlis antaranya fail dalam sumber Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa orang Melayu walaupun kekurangan dana dan kurang mendapat sokongan kewangan daripada kerajaan memasuki pasaran industri pengilangan beras dan bersaing dengan kapitalis Cina dengan jaringan yang telah kukuh. Kajian ini penting dalam mendedahkan penglibatan orang Melayu dalam industri pengilangan beras sebelum dan selepas merdeka.

Kata Kunci: Usahawan Melayu; Pengilangan beras; Kedah; Kilang padi; Syarikat kerjasama

Abstract

This paper discusses the Malay involvement in the rice milling industry in Kedah from 1938 to 1971. Initially, the industry operated through traditional methods, resulting in a relatively slow rice production entering the market. However, Chinese capitalists began to dominate the industry after acquiring concessions from the Kedah rulers in the late 19th century. Despite

Malays comprising the majority of paddy growers in Kedah, the rice milling sector was largely controlled by Chinese capitalists. The aim of this study is to examine how Malays sought to challenge this dominance, either individually or through the Cooperative Rice Millers Society (CRMS). Previous research has overlooked this issue, leading to its relative obscurity. Utilizing historical research methods and focusing on primary sources from the National Archives of Malaysia and the National Archives of Malaysia Kedah/Perlis Branch, including files from the Kedah State Secretary's Office, this study reveals that Malays, despite facing financial constraints and limited government support, ventured into rice milling and competed with Chinese capitalists through strong networks. This research underscores the significance of Malay participation in the rice milling industry both before and after independence.

Keywords: Malay entrepreneur; Rice milling; Kedah; Rice mills; Cooperative

PENGENALAN

Dua dekad pertama abad ke-20, kapitalis Cina mula mendominasi industri pengilangan beras dan strategi perniagaan mereka bagi mendapat padi bagi input pengeluaran beras melalui sistem *padi kunca*¹ yang memberi kesan sosioekonomi yang teruk kepada penanam padi di Kedah.² Kajian-kajian terdahulu memberi tumpuan penglibatan orang Melayu dalam penanaman padi. Industri pengilangan beras bergantung sepenuhnya tahap pengeluaran padi. Kemasukan kapitalis Cina telah mengambil alih industri pengeluaran beras sebelumnya dijalankan secara tradisional. Perkembangan ini telah melahirkan reaksi tersendiri dalam kalangan orang Melayu apabila mereka mula memasuki pasaran pengilangan beras serta bersaing dengan kalangan kapitalis Cina tersebut.

Penglibatan orang Melayu inilah yang menjadi perhatian di dalam makalah ini. Makalah ini menghurai penglibatan orang Melayu dalam industri pengilangan beras. Secara umum menilai sejauh mana penglibatan orang Melayu dalam industri pengilangan beras di Kedah. Fokus kajian pada usahawan Melayu dan penglibatan orang Melayu dalam industri melalui pergerakan koperasi. Walaupun penglibatan orang Melayu memasuki pasaran pengilangan beras untuk bersaing dan menyekat dominasi kapitalis Cina tetapi menghadapi kekangan terutamanya kemampuan dana dan jaringan perniagaan.

Latar belakang Pengeluaran Padi dan Beras

Pengeluaran padi sawah menjadi aktiviti ekonomi utama penduduk Kedah kerana kesesuaian iklim dan sistem pengairan yang baik. Sistem pengairan ini dipercayai dibina semasa zaman pengaruh Srivijaya di Kedah. Selain itu, terdapat juga pendapat yang mengatakan bahawa ia bermula dalam abad ke-15 dan mempunyai pengaruh dari Siam. Sebelum tanaman padi sawah petani lebih mengamalkan tanaman padi huma di kawasan tanah tinggi.³ Secara tradisi, aktiviti penanaman padi kalangan petani dilaksanakan dengan bantuan haiwan terutama kerbau. Mengikut R.D. Hill pembajakan mengguna tenggala membuktikan aktiviti tanaman padi sawah di semenanjung termasuklah di Kedah zaman tersebut. Mengikut E.M. Cooke pengaruh orang Jawa dan Siam agak ketara kerana mereka lebih maju dalam sistem tanaman padi sawah.⁴ Mengikut R.O. Winstedt kepentingan penanaman padi dan penjualan beras di Kedah dikawal melalui peraturan dalam undang-undang Tembera Dato' Seri paduka Tuan 1667 Masihi. Eropah mengenali Kedah sebagai pengeksport beras sejak abad ke-17. Pembukaan kawasan baru melalui tebus guna tanah paya untuk menanam padi terus berkembang dan dilaksanakan di Kedah. Kaedah tradisional juga digunakan dalam proses pengeluaran beras. Sebelum era kemasukan buruh imigran secara besar-besaran sejak penghujung abad ke-19 dan awal abad

ke-20, pengeluaran beras yang ada mencukupi dan tidak berhadapan dengan masalah. Walau bagaimanapun, hal ini berubah apabila British membawa masuk imigran dalam jumlah yang besar. Bekalan beras diperlukan oleh pentadbiran British bagi memenuhi keperluan makanan tenaga buruh imigran dalam sektor perladangan dan perlombongan khususnya di NNMB. Namun begitu, kaedah pengeluaran beras sedia ada agak perlahan memasuki pasaran sebelum diambil oleh pengguna akhir.⁵

Kedah sebelum kehadiran British pada tahun 1909 melalui Perjanjian Bangkok merupakan antara kawasan pengeluar padi dan pembekal utama beras di Tanah Melayu. Aktiviti dalam sektor pengilangan padi walaupun dengan kaedah tradisional tetapi mampu menjadikan Kedah sebagai pengeksport beras. Ketika itu, aktiviti perdagangan di dominasi kumpulan elit tradisional dan pemerintah. Kehadiran British lebih menumpukan tanaman komoditi lain seperti getah untuk eksport. Pentadbiran kolonial menggalakan tanaman padi sawah supaya orang Melayu terus menetap disatu tempat dan tidak mengganggu dalam sektor perladangan getah. Bagi tujuan tersebut Tanah Rizab Melayu asalnya mulanya diperkenalkan di NNMB kemudian kerajaan negeri memperkenalkan Enakmen Rizab Melayu Kedah 1931 dengan objektif yang sama mengekalkan komuniti Melayu pengeluar padi.⁶ Penanam padi menyimpan lebihan padi dan mengisar mengikut keperluan dan beras digunakan sebagai tukaran untuk mendapat keperluan lain di pasaran. Menyedari betapa pentingnya aktiviti penanaman padi dan pengeluaran beras, maka usaha-usaha dilakukan oleh kalangan pemerintah untuk menguasainya serta memastikan sektor ini terus berkembang. Sistem pengairan diperbaiki dan diperkembangkan seperti membangunkan terusan dan antara yang signifikan Terusan Wan Mat Saman mula dibina tahun 1885 dan siap sepenuhnya 10 tahun kemudian.

DOMINASI KAPITALIS CINA

Selepas tahun 1909, penguasaan kolonial British menjadi lengkap menguasai negeri-negeri Melayu di semenanjung. Sebelum ini negeri jelapang padi berada luar dari kawalan mereka bagi memenuhi permintaan beras penduduk NNMB. Kurang minat kapitalis British dalam sektor pertanian padi membuka peluang pada kapitalis Cina dari NNS. Secara tersirat pentadbiran Kolonial British memperkenalkan Tanah Rizab Melayu supaya komuniti Melayu luar bandar berterusan menanam padi dan tinggal di luar bandar. Keadaan ekonomi di Kedah mula mengalami perubahan dengan kemasukan kalangan pemodal dan pengusaha Cina yang mengambil kesempatan daripada perkembangan yang berlaku untuk memperluaskan aktiviti perdagangan dan perniagaan mereka. Kalangan pemodal Cina dari Pulau Pinang dan Phuket merupakan antara kelompok penting yang didapati memasuki pasaran di Kedah. Menyedari bahawa aktiviti penanaman padi merupakan aktiviti utama, maka kalangan pemodal ini turut melibatkan diri didalamnya. Mereka juga menyedari bahawa mereka tidak mungkin mengambil alih kedudukan kalangan orang Melayu yang mendominasi bahagian pengeluaran dan penanaman padi, namun mereka melihat potensi besar dalam aktiviti pengilangan beras yang ketika itu dijalankan secara tradisional. Selain itu, kalangan kapitalis Cina turut melibatkan diri di dalam perniagaan beras termasuk aktiviti eksport ke negeri-negeri yang lain terutama ke Negeri-negeri Selat (NNS).

Peningkatan pengeluaran padi apabila terusan Wan Mat Saman siap sepenuhnya tahun 1895 dan pemerintah Kedah menawarkan kapitalis Cina dari Pulau Pinang untuk mendirikan kilang padi di Alor Setar penghujung abad ke-19. Taikun Lim Leng Cheak dari Pulau Pinang memasuki pasaran industri pengilangan padi dan beras di Kedah pada 25 September 1888 apabila diberi kontrak selama dua puluh tahun untuk pengilangan beras di Kedah. Beliau kemudiannya mendirikan kilang Chip Bee Mill di Alor Setar yang moden dan diurus oleh anaknya Lim Eow Hong. Kilang ini juga menjadi transit untuk membawa padi dari Kedah ke

kilang-kilang di Pulau Pinang untuk di proses untuk pasaran domestik dan eksport. Malahan, padi yang telah dikilangkan menjadi beras telah dipasarkan semula ke Kedah.⁷

Bagi mengukuhkan kedudukan pengilang-pengilang milik kapitalis Cina dan mengawal pasaran padi dan beras di Kedah, permohonan penubuhan sebuah persatuan telah dilakukan pada tahun 1931. Berikutan itu *The Rice Millers and Padi Dealers Association* yang dianggotai oleh 11 kilang telah diwujudkan pada 31 Disember 1931 setelah diluluskan oleh *State Council* dan persatuan ini mula beroperasi mulai 21 Zulkaedah 1350 bersamaan 28 Mac 1932. Kilang padi dan beras Ban Heng Bee di Alor Setar menjadi ibu pejabat persatuan ini. Antara objektif persatuan ini adalah pengilang-pengilang bawah naungannya tidak bergerak secara individu dan memonopoli pasaran. Anggotanya bukan hanya pengilang beras tetapi terdiri dari pemborong dan pembeli padi.⁸ Hakikatnya melalui persatuan ini bertindak mengawal dan mendominasi pasaran dalam industri pengeluaran beras. Keteguhan jaringan melalui persatuan dalam industri pengilangan padi dan beras termasuk juga aktiviti perniagaan lain dikuasai oleh kapitalis Cina bukan sahaja di Tanah Melayu tetapi meliputi negara di Asia Tenggara lain. Keadaan pasaran dalam industri pengilangan padi dan beras berterusan sehingga selepas kemerdekaan. Pengilang-pengilang besar komersial milik kapitalis Cina masih mendominasi industri pengilangan beras pasca merdeka di Kedah dan tidak banyak mengalami perubahan. Mereka mempunyai kekuatan dalam perniagaan bukan hanya dalam industri pengilangan padi tetapi terbukti dalam setiap industri mereka ceburi.

ORANG MELAYU DALAM INDUSTRI PENGILANGAN BERAS

Penglibatan orang Melayu dalam pengeluaran beras lebih bersifat tradisional sejak zaman pra-kolonial. Ketika itu, pengeluaran beras lebih kepada penggunaan sendiri sementara sebahagiannya terpaksa diserahkan kepada kalangan pemerintah sebagai syarat mengerjakan tanah mengikut undang-undang negeri.⁹ Selain itu, tidak ramai orang Melayu turut menjalankan usaha pengilangan beras yang juga dilaksanakan secara tradisional yang dikenali sebagai *pounders* yang beroperasi secara manual menggunakan tenaga manusia atau haiwan. Penggunaan alu, lesung dan pengisar diperbuat dari buluh atau rotan lebih popular. Bagi kalangan yang terlibat di dalam usaha ini, mereka perlu memohon lesen daripada pihak pemerintah. Kemasukan kalangan kapitalis Cina turut membabitkan diri di dalam perusahaan ini dan secara perlahan-lahan mengurangkan kedudukan orang Melayu dalam industri pengeluaran beras.

Jadual 1, *Pounders* (penumbuk padi) berlesen 1919

Kawasan	Jumlah
Kota Setar	108
Sala	2
Kubang Pasu	15
Baling	8
Yan	8
Sungai Petani	4
Kuala Muda	3
Bukit Meriam	5
Jumlah	153

Sumber: SUK / K 593-1338 Food Controller Office, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Pada pertengahan tahun 1919 sudah terdapat 125 pemegang lesen *pounders*. Dalam tempoh empat bulan antara Ogos-November sebanyak 28 lesen *pounders* dikeluarkan dan sehingga penghujung tahun 1919 jumlah yang telah memperolehi lesen adalah sebanyak 153. Walau bagaimanapun, daripada jumlah itu, hanya satu sahaja dimiliki oleh usahawan Melayu yang terlibat iaitu Haji Ahmad b. Haji Samah di Telok Kechai di daerah Kota Setar. Beliau

memperolehi lesen pada 6hb. November 1919.¹⁰ Kesukaran orang Melayu untuk terlibat dalam industri *pounders* ini kerana jaringan dan saluran pasaran beras telah dikuasai oleh pemborong dan peruncit-peruncit Cina. Bagi penanam padi menjual padi adalah lebih mudah dari menjual beras.

Pada abad ke-20, kesan daripada permintaan yang bertambah terhadap beras berikutan kedatangan imigran yang besar jumlahnya, menyebabkan proses pengeluaran beras memerlukan teknologi yang lebih baik. Keperluan mesin pengisar padi lebih moden untuk menghasilkan pengeluaran beras berkualiti. Keperluan teknologi ini juga untuk mempercepatkan proses pengilangan beras. Dalam keadaan inilah kalangan kapitalis Cina mempunyai kelebihan berbanding kilang kecil milik orang Melayu. Dengan adanya sumber modal yang besar, maka usaha memodenkan proses pengilangan padi dan beras mampu dilakukan. Bagi orang Melayu, hanya sebilangan kecil yang mampu melibatkan diri dalam sektor ini. Pada tahun 1938, hanya terdapat lima usahawan Melayu dalam industri pengilangan padi dan beras. Dua kilang dibangunkan di Baling, satu di Kota Setar, satu di Alor Setar dan satu di Kubang Pasu.¹¹

Jadual 2, Kilang padi & beras di Kedah oleh usahawan Melayu tahun 1938

Nama	Lokasi
1. Mohamed Sajak	Baling
2. Haji Yacob bin Ludin	Baling
3. Badlishah Mill	Kota Setar
4. Haji Abu Bakar & Son	Alor Setar
5. Mohamed Saad	Kubang Pasu

Sumber: SUK/K 3381/1357 Kilang Padi dan Beras Melayu Tahun 1938, Arkib Negara Malaysia.

Dua tahun berikutnya iaitu pada tahun 1940 terdapat 12 kilang padi kecil milik orang Melayu.¹²

Jadual 3, Kilang padi milik orang Melayu tahun 1940

Lokasi	Jumlah Kilang
Yan	2
Baling	4
Kuala Muda	4
Sik	2
Jumlah	12

Sumber: Rozaini Ahmad, dan Ahmad Kamal Ariffin Mohd Ros. "Dominasi Pengilang Cina Dalam Pengeluaran Beras Di Kedah, 1909-1941." *Jurnal Sejarah* Vol. 24. No. 2, 2015.

USAHAWAN MELAYU DALAM INDUSTRI PENGILANGAN BERAS

Penanaman padi di Kedah turut mengalami perubahan pesat kemudiannya apabila ia dilaksanakan sebanyak dua kali setahun disamping penggunaan teknologi moden oleh penanam padi bagi meningkatkan pengeluaran padi. Usaha yang dilakukan pada tahun-tahun 1930-an dan 1940-an ini berterusan selepas era Perang Dunia Kedua.¹³ Penggunaan jentera kecil membajak mula mendapat tempat kalangan penanam padi. Tumpuan penanaman padi ialah di kawasan pengairan Muda yang juga merupakan kawasan utama pengeluaran beras di negara ini. Sebagai kawasan pengeluaran utama, maka aktiviti pengilangan padi dan beras turut meningkat di sekitar kawasan ini.¹⁴ Hakikatnya di Kedah komuniti Melayu mendominasi penanaman padi sebaliknya industri pengilangan beras didominasi kapitalis Cina. Dominasi pengilang Cina memberi tekanan pada penanam padi kerana memanipulasi harga padi dipasaran. Rasa tidak puas hati inilah terdapat usahawan Melayu memasuki pasaran industri pengilangan beras bagi menghalang manipulasi harga komoditi oleh pengilang kapitalis Cina.

Menjelang 1950-an dan 1960-an, usaha meningkatkan penglibatan orang Melayu dalam sektor pengilangan beras dilaksanakan. Sehingga tahun 60an masih tidak ramai pemilikan kilang beras berkapasiti besar komersial di Kedah milik usahawan Melayu, sama ada pemilikan secara individu, pemilikan perkongsian atau syarikat Sendirian Berhad. Hal ini disebabkan mengalami kesukaran dalam persaingan kerana kapitalis Cina telah bertapak kukuh dalam industri ini sekian lama. Terdapat kekangan bagi usahawan Melayu untuk memasuki industri pengilangan beras. Faktor utama adalah kewangan, serta tadbir urus dan pemasaran. Bagi usahawan Melayu, jaringan perniagaan didapati tidak begitu mantap dan meluas berbanding kapitalis Cina.¹⁵ Menyedari hal ini, maka usaha dilakukan bagi membantu kalangan usahawan Melayu untuk menceburkan diri di dalam sektor ini termasuk melalui penubuhan RIDA (*Rural Industry Development Authority*) tahun 1950.

Walau bagaimanapun, keadaan ini tidak berjaya sepenuhnya kerana peruntukan yang disediakan bagi tujuan tersebut adalah terhad. Awal penubuhannya bajet untuk seluruh Tanah Melayu hanyalah \$5 juta sahaja dan membiarkan orang Melayu mengurus sendiri. Langkah pentadbiran Kolonial British hanyalah untuk mengendurkan semangat nasionalisme orang Melayu mula memuncak waktu itu. Pinjaman dari RIDA dalam membantu industri pengilangan padi juga agak kurang memberangsangkan dan pernah dibincangkan di parlimen apabila berlaku masalah pengurusan pinjaman yang menyebabkan pinjaman oleh kilang padi lewat diluluskan.¹⁶ Dalam hal ini, RIDA dianggap kurang berjaya bagi menyokong usahawan luar bandar dalam industri pengilangan padi dan beras. Malahan, terdapat juga permohonan bantuan dana yang dipohon di pejabat RIDA cawangan Kedah untuk meningkatkan perniagaan dalam industri yang tidak diberi perhatian. Misalnya dalam kes *Hamzah Rice Mill Co. Ltd* dalam Daerah Kubang Pasu yang membuat permohonan untuk meningkatkan kapasiti kilangnya kepada RIDA namun tidak diberikan perhatian pada tahun 1961. Sehubungan dengan itu, RIDA cawangan Kedah mendesak Ibu pejabat RIDA Kuala Lumpur untuk membantu kilang tersebut dengan alasan, jika kilang *Hamzah Rice Mill CO. Ltd* dibantu ianya dapat memecah monopoli kilang-kilang padi milik kapitalis Cina di Kedah dan menjadikan *Hamzah Rice Mill* projek pertama penglibatan RIDA dalam pengilangan padi dan beras.¹⁷

Walau bagaimanapun, usaha ini masih tidak berjaya dan penolakan RIDA adalah bersandarkan kepada alasan bahawa kos yang dipohon terlalu besar dan tidak wajar ia hanya disalurkan kepada satu entiti perniagaan sahaja.¹⁸ Sebaliknya langkah RIDA menggalakkan usahawan Melayu yang baharu berkecimpung dalam perniagaan untuk memasuki dalam industri tersebut dan diberi latihan yang sepatutnya. Dasar RIDA tidak membantu entiti yang sudah wujud dalam industri seolah-olah menggalakkan industri perniagaan untuk bersaing sesama sendiri dalam industri yang sama.¹⁹ Dasar ini dilihat lebih mementingkan kuantiti dan berhasrat menambahkan lebih ramai ramai usahawan Melayu terlibat dalam industri pengilangan beras tersebut. Bagaimanapun, oleh kerana sebahagian usahawan Melayu tidak mempunyai pengalaman dalam aspek pengurusan kilang menyebabkan ia tidak bertahan lama dan mengalami pelbagai masalah. Dalam tahun 1963, Kerajaan Negeri Kedah membekukan sementara pengeluaran lesen padi kecil bagi membuka peluang kepada kilang beras didaftarkan melalui koperasi.

Perubahan persekitaran membawa kepada pertambahan pemilikan kilang beras. Misalnya, terdapat laporan bahawa 20 dari 30 kilang beras komersial berlesen di Kedah selepas Perang Dunia Kedua dan selepas merdeka berpindah hak milik. Selain itu, sebahagian kilang pula menghentikan operasi yang secara langsung menunjukkan bahawa industri pengilangan padi tidak begitu memberangsangkan.²⁰ Bagaimanapun sebagai negeri jelapang padi dan aktiviti ekonomi utama, Kedah terus berusaha meningkatkan pengeluaran padi. Dalam industri pengilangan beras daripada 237 kilang beras kecil dikeluarkan lesen tahun 1961 terdapat 64 kilang kecil milik usahawan Melayu dan 51 kilang milik koperasi.²¹ Usahawan Melayu mula aktif memasuki pasaran industri pengilangan beras apabila bermula projek tanaman padi dua

kali setahun. Menjadi matlamat kerajaan negeri untuk menggalakkan usahawan tempatan luar bandar menceburi sektor industri termasuklah industri dalam sektor pertanian.²²

Jadual 4, Kilang padi & beras besar (komersial) Kedah berlesen tahun 1971

Daerah	Pemilikan			Jumlah
	Cina	Melayu	Koperasi	
Kota Setar	21	1	-	22
Kubang Pasu	8	1	-	9
Yan	3	-	-	3
Kuala Muda	2	-	1	3
Baling	-	1	-	1
Jumlah	34	3	1	38

Sumber: Jabatan Pembangunan Koperasi Kedah. Arkib Negara Malaysia. Caw. Kedah. NP 1982/0000209K Fail Sharikat Kilang Padi Kawasan Pendang. Ruj: PKK-PD62.

Jadual 5, Kilang padi & beras (Etnik) Kedah tahun 1966

Daerah	Kilang Besar	Kilang Kecil			Jumlah
		Cina	Melayu	Koop	
Kota Setar	22	67	22	27	138
Kubang Pasu	8	53	30	14	105
Kuala Muda	2	4	10	9	25
Yan	3	5	6	9	23
Padang Terap	-	2	-	-	2
Langkawi	-	-	1	3	1
Baling	1	-	12	4	17
Bandar Baru	-	-	1	-	1
Kulim	-	-	3	1	4
Sik	-	-	-	-	-
Jumlah	36	131	88	67	322

Sumber: Jabatan Pembangunan Koperasi Kedah. Arkib Negara Malaysia. Caw. Kedah. Fail Sharikat Kilang Padi Kawasan Pendang. Ruj: PKK-PD62.

Kilang beras besar komersial tidak banyak mengalami perubahan kerana memerlukan kos yang tinggi. Dalam tahun 1966 terdapat 36 kilang besar komersial dan dalam tempoh lima tahun iaitu dalam tahun 1971 hanya meningkat kepada 38 buah sahaja. Daripada jumlah kilang komersial tersebut, hanya tiga kilang dimiliki oleh orang Melayu iaitu satu di Daerah Kota Setar, satu di Daerah Kubang Pasu iaitu Syarikat Kilang Beras Pida 5 Sdn. Bhd dan satu di Daerah Baling iaitu Kilang Beras Haji Ahmad JP sementara di Daerah Kuala Muda pula dimiliki oleh Syarikat Kerjasama Sri Pintas Berhad.²³

Jadual 6, Kilang padi & beras kecil usahawan Melayu & koperasi Kedah tahun 1961-1971

Daerah	1961		1966		1971	
	Ind.	Koop	Ind.	Koop	Ind.	Koop
Kota Setar	19	17	22	27	27	30
Kubang Pasu	20	14	30	14	31	14
Kuala Muda	9	9	10	9	9	10
Yan	5	10	6	9	9	11
Padang Terap	-	-	-	-	1	1
Langkawi	4	2	1	3	3	3
Baling	7	2	12	4	14	5
Bandar Baru	-	-	1	-	1	1
Kulim	3	-	3	1	3	2
Sik	2	-	-	-	1	1
Jumlah	69	54	88	67	102	78

Sumber: Jabatan Pembangunan Koperasi Kedah. Arkib Negara Malaysia. Caw. Kedah. Fail Sharikat Kilang Padi Kawasan Pendang. Ruj: PKK-PD62.

Jadual 7, Kilang padi dan beras di Kedah tahun 1968

Perkara	Pemilikan				Jumlah
	Cina	Melayu	Usahasama (Cina & Melayu)	Siam	
Kilang Besar	33	2	1	-	36
Kilang Kecil	135	99	-	1	235
	Jumlah				271

Sumber: Berita Harian, 15 Julai 1968.

PENGLIBATAN ORANG MELAYU DALAM INDUSTRI PENGILANGAN MELALUI KOPERASI

Selain usahawan Melayu yang mampu memasuki pasaran industri pengilangan beras, alternatif lain untuk mendorong komuniti Melayu terlibat dalam industri pengilangan beras adalah melalui penglibatan dalam koperasi. Pergerakan koperasi mula diperkenalkan di Kedah pada tahun 1925. Pentadbiran British mendapati sikap dan budaya penduduk tempatan lebih mempunyai sikap bekerjasama seperti bergotong royong dalam menyelesaikan dan membuat keputusan untuk kepentingan komuniti penduduk. Penubuhan koperasi bertujuan menggalakkan kalangan petani mengamalkan sikap jimat cermat. Pada tahun 1925 sudah terdapat 25 pergerakan koperasi didaftarkan di Kedah dan ia menjadi gerakan popular dan diterima dalam kalangan petani.²⁴ *Cooperative Rice Millers Society (CRMS)* dengan modal RM50,000 ditubuhkan dalam tahun 1935 dan dalam tempoh tersebut sudah terdapat 2,588 menjadi anggotanya di Kedah. Kilang juga sudah mula dibina dan beroperasi pada tahun berikutnya.²⁵ Dalam tahun 1938 terdapat dua buah kilang CRMS.

Jadual 8, Kilang padi & beras di Kedah milik CRMS Tahun 1938

Koperasi	Lokasi
1. H.Jaafar bin H.Salleh Cooperative	Kuala Muda
2. Co-Operative Rice Mill	Kota Setar

Sumber: SUK/K 3381/1357

Penubuhan koperasi dapat mengurangkan tekanan sistem *padi kunca* yang diamalkan oleh pengilang-pengilang dan orang tengah terhadap kalangan petani yang menghadapi masalah kos setiap musim menanam padi sehingga padi dituai melalui pinjaman kredit dengan faedah yang tinggi. Keadaan tersebut berulang bagi setiap musim padi. Peringkat awal pengenalan aktiviti pinjaman melalui koperasi, ianya telah menimbulkan polemik berkaitan kadar faedah dikenakan dalam kalangan ulama di Kedah sebelum dapat diselesaikan.²⁶

Jadual 9, Kilang beras CRMS di Kedah tahun 1956.

Cooperative Rice Mill Societies (CRMS)	Daerah
Kepala Parit Tokai	Simpang Empat
Telok Kechai	Kota Setar
Buloh Lima	Kota Setar
Ulu Sedaka	Yan
Pasir Jerneh	Kuala Muda
Padang Lumat	Gurun
Simpang Tiga Sg. Daun	Kota Setar
Kuala Muda	Kuala Muda
Kampung Jeram	Kubang Pasu
Paya Mukim Keplu Kodiang	Kubang Pasu
Batu 13	Kubang Pasu
Kampung Kodiang Lama	Kubang Pasu
Pulau Nyior	Kubang Pasu
Kampung Binjal	Kubang Pasu
Kampung Nongka	Kubang Pasu
Kampung Haji Kudong	Kuala muda
Kampung Batu 18 Guar Cempedak	Yan
Padang Limau	Kuala Muda
Sungai Limau Dalam	Yan
Kampung Alor Pulau	Pendang
Kampung Malau	Kubang Pasu
Kampung Pulau Timbul	Kubang Pasu
Kampung Singkir	Yan
Kampung Dulang	Yan
Kampung Rambai	Kota Setar

Sumber: Kedah Cooperative Rice Milling Union Formation and Registration. Fail 1887/54. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.

Dalam tahun 1950-an kilang-kilang padi bersaiz kecil mula bertambah apabila kilang padi melalui koperasi diletakkan bawah CRMS mendapat sokongan kewangan daripada Kementerian Pertanian di bawah Jabatan Koperasi.²⁷ Dalam tahun 1963, bagi menggalakkan pembinaan kilang beras CRMS kerajaan Negeri Kedah tidak mengeluarkan lesen bagi kilang kecil. Ia mendapat sambutan dalam kalangan penanam padi. Bagaimanapun polisi-polisi kerajaan masih tidak membenarkan kilang milik koperasi terlibat dalam komersial. Larangan yang dikenakan terhadap CRMS bagi menjalankan aktiviti perniagaan beras menyukarkan kelangsungan kilang untuk bertahan dalam jangka panjang dan kebenaran hanya untuk mengilang bagi kegunaan anggota koperasi tidak bertahan lama. Kalangan petani sebaliknya menjual padi kepada pengilang swasta apabila terdapat persaingan harga yang lebih tinggi. Oleh itu perlaksanaannya kurang menyerlah kerana tidak mampu bersaing di pasaran. Peraturan yang dikenakan dan masalah modal menjadi penghalang dan dana kerajaan agak terhad dalam industri pengilangan padi dan beras berinsentif modal.

MASALAH DAN CABARAN ORANG MELAYU DALAM INDUSTRI PENGILANGAN BERAS

Dalam tempoh darurat, kilang-kilang padi kecil ditutup dan dilarang beroperasi di Kedah.²⁸ Kilang-kilang kecil ini majoritinya dimiliki oleh orang Melayu. Bagaimanapun perintah larangan tersebut dibatalkan sepenuhnya pada tahun 1965. Pada awal tahun 1964, Kerajaan Negeri Kedah mengambil keputusan melantik satu jawatankuasa khas bagi mengkaji masalah kilang beras dalam negeri. Hasil kajian mendapati 23 kilang beras kecil milik orang Melayu beroperasi tanpa lesen dalam kawasan tanaman padi. Kerajaan negeri Kedah mengambil keputusan menutup kilang tersebut.²⁹ Bagaimanapun kemudiannya kerajaan negeri melonggarkan syarat pemberian lesen kepada kilang-kilang kecil tersebut untuk membeli dan menjual padi dan beras setelah menerima rayuan daripada badan yang mewakili penanam padi seperti Dewan Perniagaan Melayu Kedah dan Lembaga Kemajuan Penanam Padi Kedah. Pemilikan kilang tersebut kebanyakannya dimiliki oleh orang Melayu yang berusaha untuk menangani masalah dominasi dan manipulasi kilang besar. Setelah setahun kilang tersebut tidak dibenarkan beroperasi, kerajaan negeri memberi kelonggaran dengan membenarkan permohonan untuk mendapat lesen beroperasi.³⁰

Atas desakan parti komponen politik dalam Perikatan, kerajaan negeri bersetuju untuk memberi lesen jika memenuhi keperluan yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, hanya 23 kilang yang diluluskan dalam tahun 1965 dan masih terdapat 18 kilang yang tidak memohon untuk mendapatkan lesen.³¹ Namun demikian, Persatuan Pengilang-Pengilang Kedah (*Kedah Rice Millers Association*) membantah keputusan kerajaan negeri memberi lesen kepada pengilang-pengilang kecil dan juga mengeluarkan lesen kepada pengilang beras yang beroperasi tanpa lesen sebelum ini.³² Persatuan Pengilang Padi Kedah mendakwa pengeluaran lesen kepada kilang kecil tersebut akan menggugat dominasi mereka selama ini.³³ Persatuan Pengilang-Pengilang Kedah yang mempunyai kaitan dengan parti politik telah memberi tekanan kepada pengilang-pengilang kecil. Bagi meredakan keadaan, kerajaan negeri mengeluarkan alasan bahawa akan menjadi satu kerugian jika kilang-kilang komersial ini tidak diguna secara optimum dan cuba menggunakan peraturan melalui pengeluaran lesen bagi mengurangkan penglibatan kilang kecil untuk memasuki pasaran.³⁴

Keadaan pasaran tidak sempurna dalam pengeluaran beras kesan dominasi kapitalis Cina dalam industri pengilangan, kerajaan persekutuan mengambil langkah mewujudkan FAMA (*Federal Agricultural Marketing Authority*) untuk mengatasi masalah pasaran padi dan beras. Penubuhan Cawangan FAMA di Kedah dibantah keras oleh Persatuan Pengilang-Pengilang Padi dan Beras Kedah yang disokong oleh MCA dengan alasan penubuhan tersebut mahu memaksa pengilang-pengilang sedia ada untuk keluar dari pasaran.³⁵ Manipulasi pengilang-pengilang padi komersial keatas penanam padi sekian lama disedari oleh Kerajaan Negeri. Keputusan kerajaan untuk membantu penanam padi dan terlibat dalam sektor padi dan beras sentiasa mendapat bantahan sebahagian anggota dewan negeri dan mempertahankan persatuan dinaungi pengilang-pengilang padi milik kapitalis Cina. Dalam tahun 1966, Kerajaan Negeri Kedah pernah didesak supaya Kerajaan Negeri membantu pengilang-pengilang padi kecil dengan menyalur dana bagi tujuan membina kilang beras supaya dapat bersaing dengan pengilang sedia ada dan anggota Exco juga dicabar untuk meletak jawatan masing-masing secara *en bloc* jika gagal untuk memenuhi permintaan tersebut.³⁶ Bagaimanapun tidak ada sebarang keputusan ke atas usul tersebut.

Harga Minimum Terjamin (HMT) oleh kerajaan bawah kuasa Kementerian Perdagangan dan Industri ke atas pembelian padi bagi menjaga penanam padi dieksploitasi, Kilang-kilang beras kecil menghadapi masalah pusingan modal dalam jangka pendek untuk pembelian padi. HMT menyebabkan aktiviti menyeludup beras dari negara jiran meningkat kerana beras dari negara jiran lebih murah waktu itu.³⁷ Kerajaan mengambil langkah ke atas

pengilang yang enggan membekal beras apabila berlaku kekurangan bekalan dalam tahun 1966-1967 kerajaan mengenakan peraturan ke atas pengilang supaya menjual 50% pengeluaran beras dalam pasaran. Pada penghujung tahun 1970, Jabatan Kastam Kedah/Perlis berjaya menyekat aktiviti sorok bekalan beras dan empat puluh lapan penjual beras berlesen di Kedah telah ditarik balik lesen kerana menjadi dalang dan terlibat dalam aktiviti penyeludupan.³⁸

Persatuan Kredit Kerjasama Luar Bandar atau *Rural Credit Cooperative Societies* (RCCS) bermula sejak tahun 1922 bermatlamat untuk memberi bantuan kredit kepada petani khususnya penanam padi bagi menghindari mereka terlibat dengan hutang daripada komplot pengilang yang menjerat penanam padi.³⁹ Bagi mengatasi sistem padi kunca melalui RCCS, Bank Unions dan juga Pertubuhan Koperasi Luarbandar Persekutuan hanya mendapat RM4.6 juta sahaja daripada peruntukan RM5 juta kepada pergerakan koperasi termasuklah untuk pembinaan kilang bawah *Cooperative Rice Mill Societies* (CRMS) tahun 1955-1956.⁴⁰ Dana yang disalurkan tidak mencukupi bagi pembangunan kilang beras seluruh Tanah Melayu. Dalam tahun 1950-an terdapat banyak kilang-kilang kecil dibangunkan dengan galakkan Jabatan Koperatif Kementerian Pertanian dengan sokongan kewangan daripada pertubuhan koperasi. Dalam tahun 1956 terdapat 210 kilang padi bawah CRMS seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Negeri Kedah dengan kawasan tanaman yang luas hanya mampu membina 25 buah kilang bawah CRMS melalui pergerakan koperasi sedia ada sejak tahun 1920-an.⁴¹

Kilang beras dalam kategori kilang kecil bawah CRMS walaupun memberi persaingan kepada kilang-kilang komersial sedia ada tetapi dengan kemampuan pengurusan dan sokongan kewangan yang dimiliki ianya tidak mampu untuk bersaing dalam jangka panjang di pasaran. Kilang atas pendaftaran koperasi juga tidak dibenarkan untuk terlibat dengan komersial beras walaupun ada berbuat demikian dan kes agak terencil. Pengurusan kilang diurus oleh anggota koperasi terdiri daripada pesawah tanpa teknik pengurusan moden dan mereka agak ketinggalan kerana tidak mempunyai pengalaman mengurus yang baik dan komitmen terhadap pertubuhan agak kurang berkesan. Kilang CRMS bukan sahaja kurang berkesan dari segi pengurusan tetapi kualiti beras dihasil juga tidak melepasi kualiti beras import atas faktor mesin-mesin yang digunakan. Bukan setakat beras pengeluaran dedak juga tidak berkualiti.⁴²

Kesukaran kilang beras kecil bawah CRMS sukar untuk bersaing dengan kilang persendirian milik kapitalis Cina disebabkan masalah modal, jaringan perniagaan di pasaran dan peraturan-peraturan dikenakan. Langkah untuk menghadapi persaingan keputusan dibuat supaya kilang-kilang CRMS berada dalam satu kesatuan yang lebih seragam dalam pengurusan dan lebih cekap dan berkesan. Pada 18hb. Jun 1955, gabungan kilang koperasi Kedah menubuhkan *Kedah Coop Rice Milling Union* dengan struktur peraturan dan undang-undang berpandukan *Tanjung Karang Co-operative Rice Milling Union* setelah siri perbincangan diantara wakil kilang koperasi Kedah Daerah Kubang Pasu dan Kedah Tengah dalam bulan September 1954. Objektif penubuhan kesatuan adalah untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pemasaran, pembelian padi dan juga untuk membangunkan kilang padi dan beras komersial setanding dengan kilang komersial sedia ada dalam pasaran.⁴³ Sehingga tahun 1966 terdapat 1,940 buah koperasi seluruh Malaysia, bagaimanapun menjelang tahun 1970 tinggal 1050 buah sahaja. Keadaan ini menunjukkan kegagalan koperasi untuk membantu penglibatan orang Melayu untuk bersaing dalam industri pengilangan beras. CRMS bawah koperasi hanya berada dalam negeri-negeri jelapang padi.⁴⁴ Sejak kerajaan Negeri Kedah membekukan pengeluaran lesen kilang beras kecil kecuali penubuhan kilang didaftar bawah CRMS, pada peringkat awal, perkara ini mendapat sambutan terutama dalam kalangan pesawah. Bagaimanapun tiga tahun kemudian dalam tahun 1966 pembekuan lesen kilang kecil ditarik semula dan kemasukan pemain baru dalam industri pengilangan beras melebihi jumlah kilang CRMS. Salah satu objektif Kerajaan Perikatan selepas tahun 1957 adalah menambah baik sistem pemasaran dan kredit menjelang tahun 1960.⁴⁵

Dalam tahun 1968 dalam laporan dari Jabatan Teknologi Makanan Kementerian Pertanian melalui kajian juru perunding dilantik dari FAO menjelaskan bahawa tidak terdapat pengeluaran kilang beras tempatan yang menghasilkan beras yang berkualiti dan setanding dengan kualiti beras import.⁴⁶ Hasil kajian tersebut kerajaan persekutuan menubuhkan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) 1971. Kerajaan negeri Kedah sebelum penubuhan LPN lebih memberi tumpuan kepada pengeluaran padi dari industri pengeluaran beras.

KESIMPULAN

Industri pengilangan padi dan beras berkembang dengan pelbagai tekanan dalam kawasan jelapang padi di Kedah. Pengeluaran beras mulanya tidak menghadapi masalah apabila kilang pertama milik kapitalis Cina didirikan di Alor Setar, apabila berkembang ke daerah lain dan pelabur baru mula meningkat memasuki dalam industri pengilangan beras, kesannya memberi tekanan kepada penanam padi apabila persaingan dan manipulasi harga untuk mendapat bekalan padi kalangan pengilang. Bagi kilang-kilang kecil dimiliki oleh orang Melayu bukan sahaja tertakluk dengan peraturan yang dikenakan tetapi kekangan kewangan menjadi faktor utama bagi setiap musim menuai. Penglibatan orang Melayu dalam industri pengilangan beras dalam dua keadaan. Pertama secara persendirian samada individu, perkongsian atau perniagaan keluarga. Kedua melalui pertubuhan koperasi. Penubuhan kilang beras bawah koperasi supaya terdapat penglibatan orang Melayu dalam industri pengilangan beras juga kurang memberangsangkan dan mengalami kegagalan dalam jangka panjang disebabkan kekangan dana dan masalah tadbir urus kalangan anggotanya.

Kerajaan agak selektif untuk menyalurkan dana dalam industri pengilangan beras melalui agensi dilantik. Keputusan kerajaan dilihat lebih meredakan bantahan parti komponen dalam kerajaan tahun 60an yang mewakili pengilang-pengilang komersial. Bagi mengatasi masalah orang Melayu dalam industri pengilangan beras secara tidak langsung kerajaan terpaksa untuk sama terlibat dalam industri dengan membantu dalam menyelesaikan masalah kewangan dan pasaran dalam tahun 70an. Walaupun dari segi dasar untuk membantu penanam padi dalam pasaran lebih kepada janji politik untuk mententeramkan orang Melayu dalam sektor padi supaya tidak dijadikan isu kempen pilihanraya antara 1957-1970. Tanpa sokongan kerajaan industri pengilangan beras milik orang Melayu sukar untuk bertahan.

NOTA

¹ Padi kunca merupakan sistem pinjaman melibatkan cara pembayaran dengan hasil padi. Sistem ini diamalkan oleh kalangan pesawah. Pihak yang memberi hutang (pinjaman) kepada pesawah seperti orang tengah, tuan tanah dan kalangan berada di kampung tersebut bersedia memberi pinjaman yang akan dibayar dengan jumlah hasil yang telah dipersetujui.; Pengilangan padi merupakan satu proses pengasingan sekam padi dan menghasilkan beras sebelum digunakan sebagai makanan.

² Afifuddin Haji Omar, *Pembangunan Ekonomi Kaum Tani*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986.; Mohammed Halib, 'Peranan Tanaman Padi Dalam Pembangunan

Pertanian Di Malaysia: Analisis Sejarah Dan Kontemporari.' *JATI-Journal of Southeast Asian Studies*, Jil. 9, Disember 2004.

³ Elena M. Cooke, *Rice Cultivation In Malaya*, Singapore: Eastern Universities Press Ltd, 1961, hlm. 3 ; R.D Hill, *Rice In Malaya A Study in Historical Geography*, Petaling Jaya: Oxford University Press 1977, hlm. 50 ; Jomo Kwame Sundaram, *A Question of Class: Capital, The State, And Uneven Development In Malaya*, Singapore: Oxford University Press, 1986, hlm. 55 & 62.

⁴ Lihat Azharudin Mohamed Dali, *Lembu dan Kerbau Dalam Sejarah Sosiobudaya Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur: Nusamas dan Penerbit IPG Kampus Bahasa Melayu, 2023, Bab 3.; R.D Hill, *Rice In Malaya A Study in Historical Geography*, hlm.19.; Elena M. Cooke, *Rice Cultivation In Malaya*, Singapore: Eastern Universities Press Ltd, 1961, hlm. 3.

⁵ Afifuddin Haji Omar, *Pembangunan Ekonomi Kaum Tani*, hlm. 86.

⁶ Sharom Ahmat, 'The Structure Of The Economy Of Kedah, 1879-1905,' *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)* Vol. 43, No. 2 1970, hlm. 2.; Lim Teck Ghee, *Peasants and Their Agricultural Economy In Colonial Malaya 1874-1941*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1977, hlm. 116-118.; <https://www.jkptg.gov.my/my/panduan/senarai-undang-undang/akta-enakmen/enakmen-rizab-melayu>. Accessed 20.12.2019.

⁷ William Yuen Tai, *Chinese capitalism in colonial Malaya, 1900-1941*, Bangi, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013; Wu Xiao An, *Chinese Business In The Making of A Malay State, 1882-1941 Kedah and Penang*, London: Routledge Curzon, 2003, hlm. 128-129.

⁸ SUK/K 2544/1350, Registration of The Rice Millers dan Paddy Dealers Association. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

⁹ R.O Winstedt, 'Kedah Laws: Bab II Tembera' Dato Seri Paduka (1078 S.H., 1667 A.D)', *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)* Vol. VI, Pt 2, 1928, hlm. 1-44. ; Radin Soenarno, 'Malay Nationalism, 1896-1941,' *Journal of Southeast Asian History* Vol.1, No.1, 1960, hlm. 1. ; Azmi Ariffin, *Feudalisme*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015, hlm. 63-66.

¹⁰ SUK (K) 593-1338 - Food Controller Office, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

¹¹ SUK Kedah 3381/1357, Arkib Negara Malaysia.

¹² Rozaini Ahmad dan Ahmad Kamal Ariffin Mohd Ros, 'Dominasi Pengilang Cina Dalam Pengeluaran Beras Di Kedah, 1909-1941,' *Jurnal Sejarah* Vol. 24, No. 2, 2015, hlm. 8.

¹³ James C. Scott, *Weapons of the Weak Everyday Forms of Peasant Resistance*, New Haven: Yale University Press, 1985.

¹⁴ Afifuddin Haji Omar, *Pembangunan Ekonomi Kaum Tani*.

¹⁵ Rice Mill In Kedah, Fail RIDA 7644, 1972/0005011, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

¹⁶ Parliamentary Debates Official Report. Vol. V No. 33, 28 December 1963., hlm. 3515-3516. ; Keterangan lanjut berkaitan RIDA lihat Ramlah Adam, *Dato' Onn Jaafar Pengasas Kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018, hlm. 231-259.

¹⁷ Fail RIDA 7644, 1972/0005011, RIDA 7644 Rice Arkib Negara Malaysia.

¹⁸ Surat HQ RIDA kepada Datuk Abdul Rzak Hussein, Pejabat Perdana Menteri bertarikh 8 Ogos 1961 dlm. Privately Owned Rice Mill. Fail M.R.D (D) 390. Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur

¹⁹ Mahathir Mohamad, *Dilema Melayu*, Kuala Lumpur: Federal Publication, 1982.

²⁰ *The Straits Times*. 13 November 1964.

²¹ Fail PKK-PD62, JPKK. Sharikat Kilang Padi Kawasan Pendang, Arkib Negara Malaysia, Caw. Kedah/Perlis.

- ²² Tahun 1959 adalah PRU 1 Persekutuan Tanah Melayu selepas negara mencapai kemerdekaan dan PRU2 di Semenanjung. PRU tahun 1955 bagi memilih Majlis Perundangan Persekutuan di mana sebelum ini di bawah kuasa British High Commissioner.
- ²³ Jabatan Kemajuan Kerjasama Kedah. Bil. 791/555/Jd.3/39, 25hb. Oktober 1971, Ruj. PKK-PD 62, Arkib Negara Malaysia.
- ²⁴ KAR (Kedah Annual Report), 1349 H, hlm. 46.
- ²⁵ Ibid. 1354 H, hlm. 73.
- ²⁶ William R Roff, *Kerjasama Dan Koperasi Di Semenanjung 1910 – 1941*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1984, hlm. 143-191.
- ²⁷ Richard W.A. Vokes, 'Rural Entrepreneurship: The Case of Small Rice Mills in Malaysia,' *Southeast Asian Studies* 22, 2, 1984, hlm. 199.
- ²⁸ Negeri Kedah bersedmpadan dengan Thailand. Larangan bertujuan untuk menghalang beras sampai ketangan pegganas komunis di sempadan Malaysia-Thailand. Tempoh pengisytiharan darurat berlarutan selama 12 tahun bermula tahun 1948. Darurat telah ditamatkan pada 31 Julai 1960.
- ²⁹ '23 kilang padi yg ta' ada lesen ditutup', *Berita Harian*, 30 October 1964.
- ³⁰ 'Sekatan atas kilang2 padi ta' berlesen di longgarkan', *Berita Harian*, 17 September 1965.
- ³¹ Ibid.
- ³² 'Lesen kapada kilang kechil', *Berita Harian*, 12 January 1966.
- ³³ Persatuan Pengilang Padi Kedah dianggotai pengilang-pengilang komersial kapitalis Cina Kedah.
- ³⁴ Parti komponen dalam Perikatan iaitu MCA sentiasa menyokong tindakan persatuan. Pemilik kilang-kilang komersial merupakan ahli MCA.
- ³⁵ *Berita Harian*. 5 September 1967.; FAMA pada peringkat awal menjalankan pembelian padi dalam dua daerah di Selangor iaitu Kuala Selangor dan Sabak Bernam. Semua pembelian padi dalam dua kawasan tersebut dibeli oleh FAMA dan tidak membenarkan badan-badan lain atau sesiapa sahaja untuk berbuat demikian kecuali ejen dikeluarkan lesen bagi pihak FAMA. Pengilangan padi oleh ejen dan pengedaran beras hanya atas arahan FAMA.
- ³⁶ *The Straits Times*. 6 June 1966.
- ³⁷ 'Penyeludupan beras', *Berita Harian*, 27 November 1970.
- ³⁸ Ibid.
- ³⁹ Enakmen Syarikat Kerjasama diluluskan dan menjadi undang-undang dalam bulan Jun 1922. Lihat William R Roff, *Kerjasama Dan Koperasi*, hlm. 48-103, 121 & 192.
- ⁴⁰ *Final Report of the rice committee* Kuala Lumpur: Government Press, 1956, 1956., hlm. 15.
- ⁴¹ Kedah Cooperative Rice Milling Union. Formation and Registration, No Fail:1887/54, Arkib Negara Malaysia.
- ⁴² Letter Dept. of Co-op Development, Jitra to Register of Societies, Dept of Stataistic. Kuala Lumpur . 12th February 1954, No Fail 2001/00519, Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur.
- ⁴³ Mesyuarat diadakan di Sekolah Melayu Jitra pada 4.9.1954 dengan 15 wakil dari 5 CRMS dari Daerah Kubang Pasu dan Kota Setar, dan 32 wakil dari 13 CRMS dari daerah dalam Kedah Tengah. Lihat *Inspection Report* bertarikh 5.10.1954 & 18.10.1954. *Organization Report* bertarikh 25th. Feb. 1956. No Fail:1887/54, Kedah Cooperative Rice Milling Union. Formation and Registration, .
- ⁴⁴ G Sivalingam, 'The Political Economy of Agrarian Change, West Malaysia 1947-1975 ', PhD, Cornell University, 1983 , hlm. 35. Tahun 1960an Persatuan Peladang mula mengambil alih peranan koperasi.
- ⁴⁵ Richard William Arnold Vokes, 'States Marketing In A Private Enterprise Economy: The Padi And Rice Market of West Malaysia 1966-1975', PhD, University of Hull, 1978 , hlm. 96.
- ⁴⁶ Laporan U Thet Zin dalam Survey Report on Rice Processing in Malaysia, Part 1 & Part 2.

RUJUKAN

- “23 kilang padi yg ta' ada lesen ditutup.” 1964. *Berita Harian*, 30 October.
- “Lesen kapada kilang kechil.” 1966. *Berita Harian*, 12 January.
- “Penyeludupan beras.” 1970. *Berita Harian*, 27 November.
- “Sekatan atas kilang2 padi ta' berlesen di longgarkan.” 1965. *Berita Harian*, 17 September.
- Afifuddin Haji Omar. 1986. *Pembangunan Ekonomi Kaum Tani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- An, Wu Xiao. 2003. *Chinese Business In The Making of A Malay State, 1882-1941 Kedah and Penang*. London: Routledge Curzon.
- Azmi Ariffin. 2015. *Feudalisme*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cooke, Elena M. 1961. *Rice Cultivation In Malaya*. Singapore: Eastern Universities Press Ltd, 1961.
- Fail PKK-PD62, JP KK. Sharikat Kilang Padi Kawasan Pendang, Arkib Negara Malaysia, Caw. Kedah/Perlis.
- Fatimah Mohd Arshad, dan Ghazali Mohayidin. 1956. Kesan Skim Subsidi ke atas Petani Padi di Malaysia. Laporan Penyelidikan, Universiti Pertanian Malaysia, (Mimeograph)
- Fredericks, L.J., dan R.J.G. Wells. 1983. *Rice Processing in Peninsular Malaysia: An Economic and Technical Analysis*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Hill, R.D. 1977. *Rice In Malaya A Study in Historical Geography*. Petaling Jaya: Oxford University Press.
- Jomo Kwame Sundaram. 1986. *A Question of Class: Capital, The State, And Uneven Development In Malaya*. Singapore: Oxford University Press.
- Kedah Cooperative Rice Milling Union. Formation and Registration, No Fail:1887/54, Arkib Negara Malaysia.
- Kratoska, P.H. 1998. “Malayan Food Shortages and the Kedah Rice Industry during the Japanese Occupation.” In *Food Supplies and the Japanese Occupation in South-East Asia. Studies in the Economies of East and South-East Asia*, edited by P.H. Kratoska P.H., 101-34. London: Palgrave Macmillan.
- Letter Dept. of Co-op Development, Jitra to Register of Societies, Dept of Stataistic. Kuala Lumpur . 12th February 1954, No Fail 2001/00519, Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur.
- Lim, Teck Ghee. 1977. *Peasants and Their Agricultural Economy In Colonial Malaya 1874-1941*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Mahathir Mohamad. 1982. *Dilema Melayu*. Kuala Lumpur: Federal Publication.
- Malaysia. 1956. Final Report of the rice committee. Kuala Lumpur: Government Press.
- Mohammed Halib. 2004. “Peranan Tanaman Padi Dalam Pembangunan Pertanian Di Malaysia: Analisis Sejarah Dan Kontemporari.” *JATI -Journal Of Southeast Asian Studies* 9
- Mohd Anuar Md Amin. 1989. “Subsidi dan Kesannya Ke Atas Petani Padi.” *Jurnal Ekonomi Malaysia* 19.
- Ness, Gayl D. 1967. *Bureaucracy and Rural Development in Malaysia : a study of complex organisations in stimulating economic development in new states*. California: University of California Press.
- Nor Asmat Ismail, dan Zulkifli Abdul Rahman. 2019. “Analisis Subsidi Sektor Padi Dan Kesannya Kepada Pendapatan Petani Padi Di Kawasan Pengairan Muda.” *Jurnal Dunia Pengurusan* 1(1).
- Parliamentary Debates Official Report. Vol. V No. 33, 28 December 1963.

-
- Privately Owned Rice Mill. Fail M.R.D (D) 390. Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Ramlah Adam. 2018. *Dato' Onn Jaafar Pengasas Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rice Mill In Kedah, Fail RIDA 7644, 1972/0005011, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Roff, William R. 1984. *Kerjasama Dan Koperasi Di Semenanjung 1910 – 1941*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1984.
- Rozaini Ahmad dan Ahmad Kamal Ariffin Mohd Ros. 2015. “Dominasi Pengilang Cina Dalam Pengeluaran Beras Di Kedah, 1909-1941.” *Jurnal Sejarah* 24(2)
- Scott, James C. 1985. *Weapons of the Weak Everyday Forms of Peasant Resistance*. New Haven: Yale University Press.
- Sharom Ahmat. 1970. “The Structure Of The Economy Of Kedah, 1879-1905.” *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)* 43(2).
- Sity Daud. 2020. *Dasar Pembangunan dan Populisme Di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Sivalingam, G. 1983. The Political Economy of Agrarian Change, West Malaysia 1947-1975. PhD Thesis, Cornell University.
- Soenarno, Radin. 1960. “Malay Nationalism, 1896-1941.” *Journal of Southeast Asian History* 1(1).
- SUK (K) 593-1338 - Food Controller Office, Arkib Negara Malaysia.
- SUK Kedah 3381/1357, Arkib Negara Malaysia.
- SUK/K 2544/1350, Arkib Negara Malaysia.
- Survey Report on Rice Processing in Malaysia, Part 1 & Part 2. Kuala Lumpur.
- Tai, William Yuen. 2013. *Chinese capitalism in colonial Malaya, 1900-1941*. Bangi: Penerbit UKM.
- The Straits Times*.
- Vokes, Richard W.A. 1984. “Rural Entrepreneurship: The Case of Small Rice Mills in Malaysia.” *Southeast Asian Studies* 22(2).
- Vokes, Richard William Arnold. 1978. States Marketing In A Private Enterprise Economy: The Padi And Rice Market of West Malaysia 1966-1975. PhD Thesis, University of Hull.
- Winstedt, R.O. 1928. “Kedah Laws: Bab II Tembera' Dato Seri Paduka (1078 S.H., 1667 A.D) .” *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)* VI(2).

Published online: 30 April 2024